



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
SURAT PEKELILING BIL. 1/2020

18 JUN 2020

Kepada :

- Firma Perunding Ukur Bahan; dan
- Firma Perunding Multi Disiplin; dan
- Juruukur Bahan Consultant (CQS); dan
- Juruukur Bahan Professional (PQS); dan
- Juruukur Bahan Provisional (PVQS); dan
- Juruukur Bahan Technologist (QST).

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN COVID-19 : PROSEDUR BERKAITAN PENDAFTARAN LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
--

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan ahli-ahli berdaftar Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) mengenai pindaan terhadap keperluan pendaftaran LJBM berikutan kekangan yang dihadapi oleh semua pihak dalam tempoh semasa dan pasca pandemik Covid-19.

Pindaan-pindaan tersebut merupakan tindakan alternatif secara pentadbiran dalam melaksanakan langkah-langkah sementara yang bertujuan untuk membantu ahli berdaftar LJBM mengekalkan pendaftaran professional mereka sepanjang tempoh tersebut.

2.0 TAFSIRAN

Bagi tujuan garis panduan ini melainkan sekiranya konteksnya membawa maksud yang lain:

- (i) "Firma Perunding Ukur Bahan" dan "Firma Perunding Multi Disiplin" merupakan firma yang berdaftar dengan LJBM dan mempunyai permit pendaftaran yang sah.
- (ii) "Juruukur Bahan *Consultant*" merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Consultant Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.

- (iii) "Juruukur Bahan *Professional*" merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Professional Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.
- (iv) "Juruukur Bahan *Provisional*" merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Provisional Quantity Surveyor* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.
- (v) "Juruukur Bahan *Technologist*" merupakan individu yang berkelayakan dan berdaftar sebagai *Quantity Surveying Technologist* di bawah Seksyen 10 Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015) dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah.

3.0 LATAR BELAKANG

Berikutan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia sejak awal tahun 2020, LJBM telah mengambil maklum dan amat prihatin terhadap kesan serta norma-norma baru yang perlu diadaptasi oleh penduduk seluruh dunia, khasnya oleh ahli-ahli berdaftar LJBM dalam menghadapi cabaran getir dalam tempoh semasa dan pacsu pandemik ini.

Sehubungan dengan itu, sebagai salah satu inisiatif prihatin bagi membantu ahli-ahli berdaftar LJBM dalam menempuhi situasi ini, LJBM ingin memaklumkan ketetapan-ketetapan baru yang melibatkan keperluan berkaitan prosedur pendaftaran.

Ketetapan-ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan 4(g) Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2015).

4.0 PINDAAN TERHADAP KETETAPAN KEPERLUAN PENDAFTARAN

Pindaan terhadap ketetapan keperluan pendaftaran melibatkan prosedur-prosedur berikut :

4.1 Bayaran Pembaharuan Pendaftaran 2021

- Ahli berdaftar boleh memilih untuk menjadualkan bayaran pembaharuan pendaftaran mereka atau mengemukakan bayaran penuh secara terus mengikut prosedur biasa.
- Kelulusan pendaftaran akan diproses mengikut prosedur biasa. Sijil pembaharuan pendaftaran dan resit bayaran hanya akan dikemukakan setelah kesemua bayaran diterima.
- Kelulusan pembaharuan pendaftaran akan ditarik semula serta-merta sekiranya jadual pembayaran tidak dipenuhi.
- Jadual bayaran Pembaharuan Pendaftaran 2021 boleh dirujuk seperti berikut :

JADUAL 1			
Kategori	Bayaran pertama (sebelum 31.01.2021)	Bayaran kedua (sebelum 31.03.2021)	Bayaran ketiga (sebelum 30.06.2021)
Firma Juruukur Bahan Perunding	50%	25%	25%
Juruukur Bahan Consultant	50%	25%	25%
Juruukur Bahan Professional	50%	25%	25%

JADUAL 2		
Kategori	Bayaran pertama (sebelum 31.01.2021)	Bayaran kedua (sebelum 31.06.2021)
Juruukur Bahan Provisional	50%	50%
Juruukur Bahan Technologist	50%	50%

JADUAL 3			
Kategori	Bayaran pertama	Bayaran kedua (selepas 3 bulan)	Bayaran ketiga (selepas 3 bulan)
Pemasukan Semula Pendaftaran (semua kategori)	50%	25%	25%

4.2 Keperluan Pengumpulan Mata CPD Tahun 2020

- (i) Pembaharuan Pendaftaran 2021
 - Juruukur Bahan Consultant : Keperluan CPD DIKECUALIKAN
 - Juruukur Bahan Professional : Keperluan CPD DIKECUALIKAN
 - Juruukur Bahan Provisional dan Technologist : 1 CPD (keperluan CPD diminimumkan)

- (ii) Pemasukan Semula Pendaftaran 2020 :
Keperluan CPD DIKECUALIKAN

- (iii) Keperluan CPD Pembaharuan Pendaftaran 2020 yang tidak dipenuhi :
Keperluan CPD DIKECUALIKAN

- (iv) Mata CPD yang telah dikumpul sepanjang tahun 2020 boleh dibawa ke tahun 2021 dan digunakan untuk pembaharuan pendaftaran tahun 2022.

5.0 PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN

Ketetapan-ketetapan di atas adalah berkuatkuasa daripada tarikh Surat Pekeliling ini.

Sebarang pindaan dalam tempoh penguatkuasaan ini akan dimaklumkan secara rasmi daripada semasa ke semasa.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Benar,



PROF. (ADJUNG) Sr DATO' AZIZ BIN ABDULLAH, CQS

Yang DiPertua

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

Tarikh : 18/06/2020